

27 AUG 2001

MEGAWATI-MAS

M'SIA MINTA LEBIH BANYAK HAK MENDARAT DI JAKARTA

PUTRAJAYA, 27 Ogos (Bernama) -- Pada pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri yang sedang dalam lawatan ke sini, hari ini, Malaysia telah meminta supaya diberikan lebih banyak hak mendarat bagi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) melalui sektor Kuala Lumpur-Jakarta.

Pada masa ini, MAS membuat dua penerbangan sehari ke Jakarta dari Kuala Lumpur manakala syarikat penerbangan Singapura, Singapore Airlines, membuat 12 penerbangan dari Kuala Lumpur ke Singapura.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu para pemberita di sini bahawa memang ada kewajarannya bagi Malaysia membuat permintaan tersebut kerana terdapat ramai pekerja Indonesia di Malaysia.

Katanya, jika penerbangan tidak mencukupi, pekerja-pekerja Indonesia terpaksa pergi ke Singapura atau negara-negara lain untuk menaiki penerbangan pulang ke tanah air mereka.

Katanya, permintaan Malaysia ini telah pernah dikemukakan kepada kepimpinan Indonesia sebelumnya dan permintaan kali ini merupakan susulan.

Katanya, Malaysia seharusnya mendapat faedah daripada kesediaannya menerima ramai pekerja Indonesia di negara ini dan permintaan untuk mendapatkan lebih hak mendarat seharusnya mendapat pertimbangan positif.

Kata Syed Hamid, pada pertemuan hari ini, kedua-dua pemimpin itu membincangkan, antara lain, kerjasama dalam bidang keselamatan, ekonomi dan tenaga.

Malaysia telah menyatakan hasratnya untuk membeli arang batu daripada Indonesia bagi sektor tenaganya.

Dr Mahathir juga memberitahu Megawati bahawa pelabur-pelabur Malaysia berminat untuk melabur di Indonesia.

Beliau juga gembira mendengar kenyataan Megawati bahawa keadaan di Indonesia telah pulih seperti sediakala, keadaan politiknya stabil dan Megawati kini sedang berusaha ke arah memulihkan ekonomi negaranya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia telah melabur dalam sektor ladang di Indonesia, tetapi kini sedang mencari peluang-peluang lain pula.

Contohnya, Petronas dan Pertamina sedang bekerjasama dalam konsesi minyak dan gas di Indonesia.

Ditanya sama ada Indonesia membuat sebarang permintaan bagi mendapatkan bantuan kewangan, Syed Hamid berkata tiada permintaan demikian dibuat. --

BERNAMA

SHO SHY KY OS